

PEMIKIRAN KESEDERHANAAN DALAM ISU-ISU AKIDAH MENURUT SHEIKH ZAINAL ABIDIN AL-FATANI

Faizuri Abd. Latif, PhD

Pensyarah Kanan

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

fa72@um.edu.my

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, PhD

Pensyarah Kanan

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

faisal@um.edu.my

Khulasah

Pemikiran kesederhanaan telah lama dipraktikkan oleh ulama Melayu dalam penulisan mereka. Ini kerana kesederhanaan memainkan peranan penting dalam memupuk semangat kasih sayang dan toleransi dalam kalangan manusia. Selain itu, ia juga merupakan salah satu daripada tuntutan utama dalam Islam. Tanpa memahami persoalan ini dan sedar akan kepentingan berfikir secara sederhana menjadikan seseorang individu bersikap ekstrim, melampau dan sukar menerima pandangan orang lain. Justeru, ulama Melayu yang berperanan menyatakan masyarakat Nusantara mengambil inisiatif menerapkan pemikiran kesederhanaan dalam isu-isu akidah yang banyak menimbulkan perselisihan sesama umat Islam. Bagi mereka tiada jalan terbaik untuk meredakan perbalahan yang berlaku melainkan setiap individu bersedia meraikan pandangan orang lain. Makalah ini akan membincangkan konsep kesederhanaan akidah yang terdapat dalam pemikiran seorang ulama Melayu iaitu Sheikh Zainal Abidin al-

Fatani atau 'Tuan Minal' melalui karyanya *'Aqīdah al-Nājīn*, memandangkan beliau juga membawa beberapa konsep kesederhanaan akidah yang sesuai diamalkan oleh masyarakat di zamannya dan masa akan datang.

Katakunci: Pemikiran Kesederhanaan, Nusantara, ulama Melayu, Tuan Minal, *'Aqīdah al-Nājīn*.

Abstract

Moderate thinking has been practiced by the Malay scholars in their writings because moderation plays an important role in fostering the spirit of love and tolerance in humans. Moreover, it is also one of the main demands of Islam. Without understanding this issue and realize the importance of moderate thinking will lead an individual to be extreme and difficult to accept others views. Thus, Malay scholars whose role is to bring people in the archipelago together has taken the initiative in applying moderate thinking in the issues of *'aqīdah* that led to discords among Muslims. For them there is no best way to defuse arguments occurred unless each individual is ready to tolerate others views. This article discusses the concept of moderation in *'aqīdah* based on the ideas of Malay scholar Sheikh Zainal Abidin al-Fatani or 'Tuan Minal' anchored in his work *'Aqīdah al-Nājīn*, as he is seen to put forwards this concept which is suitable and can be practiced by his current and future communities.

Keywords: moderate thinking, Malay Archipelago, Malay scholars, Tuan Minal, *'Aqīdah al-Nājīn*.

Pendahuluan

Islam merupakan agama yang mementingkan perpaduan dan kesepakatan ummah. Oleh itu, perbalahan dan perpecahan adalah suatu yang amat dibenci dan dilarang dalam Islam. Namun realitinya perbalahan dan perpecahan ummah tetap berlaku hingga ke hari ini. Lebih membimbangkan lagi munculnya beberapa puak yang

bersikap ekstrim terhadap aliran pemikiran dan mazhab yang dipegang, sehingga menganggap golongan yang tidak sealiran dengan mereka sebagai sesat dan menyeleweng. Perbezaan pandangan dan perpecahan ummah bukanlah suatu perkara baru, bahkan ianya telah muncul sejak kewafatan Rasulullah s.a.w. Tetapi perselisihan ini masih terkawal di bawah seliaan para sahabat yang bersungguh-sungguh menyelesaikan sebarang pertelingkahan yang timbul dengan cara yang bijaksana. Selepas itu, perselisihan menjadi semakin parah dan kritikal dengan munculnya banyak aliran pemikiran dalam Islam yang menganggap kebenaran adalah hak milik aliran mereka seperti Mu`tazilah, Khawārij, Qadariyyah, Jabariyyah dan sebagainya.

Dalam kekalutan ini, muncul Abū Ḥasan al-Ash`āri dan Abū Maṇṣūr al-Māturīdī yang berusaha mengharmonikan beberapa pemikiran yang menyimpang dari konsep kesederhanaan dalam Islam seperti aliran Mu`tazilah yang menyerahkan kebebasan mutlak kepada akal untuk berfikir, kerana menurut mereka akal sahaja yang mampu menilai baik buruk sesuatu perkara dan bukannya syara`. Begitu juga aliran Khawārij yang sangat ekstrim, kerana berpegang dengan nas al-Qur'an dan Hadith secara zahir. Faham Khawārij yang sempit akal dan terlalu fanatik menjadikan mereka mudah mengkafirkkan sesiapa sahaja yang tidak sehaluan dengan aliran mereka. Akhirnya aliran pemikiran Ashā'irah yang bercirikan kesederhanaan dan pertengahan dalam penggunaan dalil *naqli* dan *'aqli* ini telah sampai ke Nusantara. Kehadiran fahaman ini telah disambut baik oleh ulama Melayu yang menjadikannya sebagai bahagian penting dalam perbahasan karya-karya mereka.

Bagi ulama Melayu, kefahaman akidah yang diterapkan oleh ulama Ashā'irah lebih sesuai dan menepati naluri masyarakat Melayu berbanding fahaman lain yang agak ekstrim dan terkeluar daripada kehendak

Islam sebenar yang menekankan konsep kesederhanaan. Termasuk dalam kalangan ulama Melayu yang mendokong konsep Asyā'irah ialah Sheikh Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) yang turut memasukkan pemikiran kesederhanaan tersebut sebagai model dalam penulisan karya-karyanya. Justeru, artikel ini akan membincangkan pemikiran kesederhanaan akidah yang dipelopori oleh Sheikh Zainal Abidin al-Fatani yang mampu menjana ke arah perpaduan ummah di Nusantara.

Biografi Ringkas Sheikh Zainal Abidin al-Fatani

Sheikh Zainal Abidin al-Fatani adalah salah seorang tokoh ulama Melayu yang terkenal. Beliau ialah Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhammad Dahhan bin Sheikh Wan Syamsuddin bin Sheikh Jaafar atau lebih terkenal dengan gelaran 'Tuan Minal'.¹ Beliau dilahirkan di kampung Bendang Badang, iaitu sebuah kampung yang terletak di lembangan Sungai Patani, berdekatan dengan Pekan Binjai Lama yang terletak di tengah-tengah perjalanan antara bandar Patani dengan bandar Yala, Thailand.² Pada suatu tarikh yang belum dapat dipastikan

¹ Gelaran ini dikatakan mempunyai kaitan dengan peristiwa Tuan Minal dengan muridnya, di mana apabila beliau merasa marah atau rungsing terhadap murid-muridya beliau akan membaca surah *al-Nās*. Apabila sampai kepada ayat "*min al-jinnati wa al-nās*" beliau meninggikan suaranya. Semakin kuat rasa marahnya, semakin tinggilah tekanan suaranya terhadap ayat tersebut. Ekoran seringkali menyebut ayat tersebut, maka lama kelamaan melekatlah kalimah "*min al-jinnah*" yang menjadi gelarannya. Kemudian kalimah tersebut disingkatkan menjadi "minal". Wan Muhamad Shaghir Abdullah, "Zainal Abidin al-Fatani," *Majalah Dakwah*, April 1991, 16 dan Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 71.

² *Ibid.*, 64. Menurut catatan yang dibuat oleh Hj. Yusuf bin Hj. Mustafa Bandar Fatani, Sheikh Zainal Abidin al-Fatani dilahirkan di Kampung Kerisik atau Angkro dalam Jajahan Patani. Al-Haji Yusuf bin al-Haji Mustafa Bandar Patani, *Sejarah Dan Silsilah Keturunan Tuan Minal* (t.p.: t.p., 1991), 1. Manakala menurut Wan Mohd Saghir, Tuan Minal berasal dari Kampung Anak Ru Patani. Wan

Sheikh Zainal Abidin al-Fatani telah meninggal dunia di Permatang Sungai Dua, Seberang Perai, Pulau Pinang.³ Menurut andaian Ahmad Fathy al-Fatani, beliau dikatakan kembali ke rahmatullah dalam lingkungan tahun 1913M.⁴

Sheikh Zainal Abidin al-Fatani mendapat pendidikan secara tidak formal di madrasah kampung beliau sendiri. Pada zaman tersebut, pusat pengajian pondok menjadi pilihan utama muda-mudi yang berminat terhadap pendidikan agama. Berbekalkan keazaman dan kesedaran yang tinggi untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan agama, beliau telah mengambil inisiatif untuk meneruskan lagi pengajian di pusat pengajian pondok. Pusat pengajian yang menjadi pilihan beliau ialah pondok Bendang Daya. Semasa berada di pondok ini, beliau berkesempatan belajar dengan beberapa tokoh ulama pondok yang terkenal pada waktu itu. Antara guru-guru beliau ialah Sheikh Wan Mustafa bin Muhammad Faqih al-Patani atau 'Tok Wan Pa' yang merupakan pengasas pondok tersebut⁵ dan Sheikh Abdul Rashid al-

Mohd Saghir Abdullah, "Tuan Minal al-Fatani, Karangannya Rujukan Ulama Melayu", dalam *Ulama Dunia Melayu Yang diperkenalkan Dalam Utusan Malaysia*, ed. Wan Mohd Saghir Abdullah (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2007), 137.

³ Menurut al-Haji Yusuf, Tuan Minal tidak meninggal dunia di Permatang Sungai Dua, Pulau Pinang, tetapi beliau kembali ke rahmatullah di Makkah al-Mukarramah setelah sekali lagi berangkat ke sana mendalami ilmu pengetahuan agama. Al-Haji Yusuf, *Sejarah dan Silsilah Keturunan Tuan Minal*, 2.

⁴ Penemuan tarikh kematian ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fathy al-Fatani terhadap tarikh-tarikh penghasilan karya oleh Sheikh Zainal Abidin al-Fatani. Ahmad Fathy, *Ulama Besar Dari Patani*, 67-68.

⁵ Sheikh Haji Wan Mustafa al-Fatani dilahirkan pada tahun 1160 H/ 1747-8 M di Kampung Bendang Daya, Patani. Beliau merupakan anak Wan Muhamad al-Fatani, seorang ulama Patani yang masyhur pada zamannya. Pernah diberikan gelaran sebagai 'Hulubalang kepada Sultan Fathani Darus Salam', 'Hulubalang Wan Pa' dan 'Datuk Panglima Kaya'. Sheikh Wan Mustafa dikatakan mempunyai empat orang anak lelaki, dan semuanya berjaya menjadi ulama yang

Fatani yang terkenal dengan gelaran 'Keramat Pulau Bidan'. Tuan Minal turut berkesempatan belajar ilmu Usuluddin dengan Sheikh Muhammad Thaiyib bin Mas'ud al-Banjari al-Qadhi (Kedah).⁶

Berbekalkan keazaman yang tinggi untuk menambah ilmu pengetahuan, Sheikh Zainal Abidin al-Fatani sekali lagi menyambung pelajaran ke luar negeri. Kali ini pusat pengajian yang menjadi pilihan beliau ialah di Masjid al-Haram, Mekah. Pada waktu itu, pengajian di Masjid al-Haram lebih terkenal sebagai pusat pendidikan sama ada secara formal atau tidak, dan telah dikunjungi oleh ramai bangsa Melayu bagi menimba ilmu agama.⁷ Tidak dapat dipastikan secara tepat tarikh keberangkatan beliau ke Mekah. Namun menurut Ahmad Fathy al-Fatani, pemergian Sheikh Zainal Abidin al-Fatani ke sana tidaklah berselang lama dengan Sheikh Wan Muhammad Zain⁸ dan Sheikh Wan Abdul Kadir.⁹

berkaliber. Anak-anak beliau ialah Sheikh Wan Muhamad Zin, Sheikh Wan Abdul Kadir, Sheikh Wan Abdul Latif dan Sheikh Wan Daud. Lihat Ahmad Fathy, *Ulama Besar Dari Patani*, 20 dan H.M. Bedjo Santoso, "Sheikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya terhadap Pengembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa", dalam *Nadwah Ulama Nusantara III*, ed. Farid Mat Zain, et.al. (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 244.

⁶ Wan Mohd Saghir, *Tuan Minal al-Fatani*, 137.

⁷ Che Zarrina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim," *Jurnal AFKAR* 2, (2001), 62 dan Md Sidin Ishak dan Muhamad Redzuan Othman, *The Malays in The Middle East* (Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, t.t.) 26.

⁸ Nama penuh beliau ialah Sheikh Wan Muhamad Zin @ Wan Din bin Wan Mustafa bin Muhamad Faqih al-Fatani. Dilahirkan di Patani pada tahun 1233H/1817M. Beliau merupakan bapa kepada seorang ulama agung Patani iaitu Sheikh Wan Ahmad al-Patani. Beliau telah berangkat ke Mekah pada tahun 1862M dan terus bermukim di sana. Sheikh Wan Muhamad Zin juga turut dianggap sebagai tokoh penyelamat manuskrip gurunya Sheikh Daud al-Fatani, dengan cara memperbanyak salinan tangan terhadap karya-karya tersebut. Beliau meninggal dunia di Mekah pada 21 Januari 1908, iaitu

Ketika berada di Mekah beliau sempat menimba ilmu dengan beberapa tokoh ulama Arab dan Patani yang terkenal pada waktu itu, antaranya ialah seperti Sheikh Muhammad bin Sulaiman Hasb Allah al-Makki, Sheikh Wan Ali bin Ishak al-Fatani, Sheikh Abdullah bin Abd al-Rahim al-Fatani, Sheikh Daud al-Fatani¹⁰ dan lain-lain lagi.¹¹ Sheikh Zainal Abidin al-Fatani tidak bermastautin lama di Mekah seperti rakan-rakannya yang lain yang terus bermukim di sana.¹² Ini kerana setelah selesai menuntut ilmu, beliau terus pulang ke tanah air.¹³

Konsep Kesederhanaan dalam Islam

Kesederhanaan atau *wasaṭiyah* berasal dari perkataan Arab, *wasaṭan* (وسط) yang disebut sebanyak enam kali dalam al-Qur'an.¹⁴ Selain itu, terdapat beberapa perkataan lain dalam bahasa Arab yang merujuk kepada maksud sederhana seperti *al-Iqtisād* dan *al-Tawassul*.¹⁵ Perkataan

seminggu selepas kematian anak beliau Sheikh Wan Ahmad al-Fatani. Ahmad Fathy, *Ulama Besar Dari Patani*, 256-257.

⁹ *Ibid.*, 64.

¹⁰ Wan Muhamad Saghir, *Tuan Minal al-Fatani*, 137-138.

¹¹ Mohd Zamberi A. Malik, *Patani Dalam Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 120.

¹² Kenyataan ini berdasarkan ramai di kalangan ulama Patani yang mengambil inisiatif untuk terus bermukim di Mekah. Keputusan yang dibuat bukanlah bertujuan mlarikan diri daripada tanggungjawab terhadap masyarakat, tetapi ekoran daripada percaturan politik dan tekanan yang berterusan daripada kerajaan Thailand terhadap masyarakat Islam yang tidak memungkinkan Islam mampu disebarluaskan dengan selamat. Antara ulama Patani yang mengambil inisiatif untuk terus bermukim di Mekah ialah seperti Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Nik Dir al-Fatani, Tok Sengora, Sheikh Wan Ahmad bin Wan Muhamad Zin al-Fatani, Tok Gudang, Sheikh Nik Mat Kechik al-Fatani dan lain-lain lagi.

¹³ Ahmad Fathy, *Ulama Besar Dari Patani*, 64.

¹⁴ Abu Bakar Hamzah, "Perpaduan dan Kesederhanaan dalam Islam," dalam *Seminar Perpaduan dan Kesederhanaan Dalam Islam* (Kedah: Jabatan Hal Ehwal Agama Kedah, 1985), 15.

¹⁵ Ibrāhim Muṣṭafā, *Al-Mu'jam al-Wasiṭ* (Turki: Dār al-Da'wah, t.t), 738 dan 1031.

muqtaṣid yang disebut sebanyak enam kali dalam al-Qur'an juga membawa maksud kesederhanaan sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِذَا غَشِيْهِمْ مَوْجٌ كَالظُّلُلِ دَعَوْا اللَّهَ خَلِصِيْنَ لَهُ الْأَدِيْنَ
فَلَمَّا نَجَّهُمْ إِلَى الْبَرِّ فَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمَا تَجَحَّدُ
بِعَايَتِنَا إِلَّا كُلُّ خَتَّارٍ كَفُورٍ

Luqman 31:32

Terjemahan: Dan (orang-orang yang tidak bersifat demikian) apabila mereka dirempuh serta diliputi oleh ombak yang besar seperti kelompok-kelompok awan menyerupai, pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadanya semata-mata. Kemudian bila sahaja Allah menyelamatkan mereka ke darat maka sebahagian sahaja di antara mereka yang bersikap sederhana (lalu bersyukur kepada Allah serta mengesakan-Nya). Dan sememangnya tiada yang mengingkari bukti-bukti kemurahan Kami melainkan tiap-tiap orang yang bersifat pemungkir janji, lagi amat tidak mengenang budi.

Merujuk kepada Kamus Dewan, kesederhanaan yang berasal dari kata akar sederhana bermaksud tidak lebih, tidak kurang, biasa, pertengahan, atau sedang dalam pelbagai perkara atau tindak-tanduk. Ia juga boleh dimaksudkan sebagai sesuatu perkara yang tidak banyak selok-beloknya, tidak rumit dan tidak sulit.¹⁶ Begitu juga dalam bahasa Inggeris yang merujuk kepada perkataan

¹⁶ Kamus Dewan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1205.

moderate dan *not extreme*. Perkataan *wasatiyah* disebut secara jelas dalam al-Quran melalui firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى
النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا
الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتُ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ
مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَى عَقِبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى
الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ
اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Al-Baqarah 2:143

Terjemahan: Dan demikian (pula) kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat pertengahan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu, dan kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot, dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan mensia-siakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia.

Selain itu, konsep kesederhanaan juga dapat dilihat dalam aspek akidah Islam. Ini kerana akidah Islam merupakan akidah yang bersifat *wasatiyyah*. Ia berbeza

dengan golongan *khurafiyyin*¹⁷ dan golongan *maddiyyin*¹⁸ yang melampau dalam *i`tiqād* mereka.¹⁹ Sesungguhnya akidah Islam berpaksikan kepada dalil *qat`i* dan bukti yang diyakini sebagaimana firman Allah SWT:

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا أَوْ نَصَارَىٰ

تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَنَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ

صَدِيقِينَ

Al-Baqarah 2:111

Terjemahan: Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata: "Sekali-kali tidak akan masuk syurga kecuali orang-orang (yang beragama) Yahudi atau Nasrani", demikian itu (hanya) angan-angan mereka yang kosong belaka. Katakanlah: "Tunjukkanlah bukti kebenaranmu jika kamu adalah orang yang benar".

Kesederhanaan akidah Islam ini juga dapat dilihat secara jelas melalui *i`tiqād* bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Esa berbanding golongan yang langsung tidak mempercayai Tuhan dan golongan yang mempercayai banyaknya Tuhan. Bukan sekadar itu, malahan akidah Islam ini juga bersifat sederhana dengan mengiktiraf dalil *naqlī* dan *`aqlī* berbanding golongan yang mengimani bahawa hanya akal sahaja sebagai sumber untuk mengetahui hakikat kewujudan dengan

¹⁷ Mereka membenarkan apa sahaja dan mengimaninya tanpa melalui bukti dan dalil yang *qat`ie*.

¹⁸ Golongan yang mengingkari semua perkara yang tidak dapat dirasa, disentuh oleh pancaindera dan juga perkara-perkara yang tidak tercapai oleh akal manusia seperti perkara *ghaibiyāt*.

¹⁹ Yusuf Al-Qaraḍawī, *Khaṣāis al-Āmmah fī al-Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1981), 123.

golongan yang hanya mengimani wahyu semata-mata sebagai dalil kewujudan.

Perlu juga dinyatakan di sini, bahawa kesederhanaan dalam Islam bukan hanya tertumpu kepada aspek akidah semata-mata, bahkan dapat disaksikan kepada aspek ibadah, ekonomi, politik dan pemerintahan, perundangan, akhlak, sosial dan sebagainya. Meskipun begitu, artikel ini lebih cenderung untuk membincangkan konsep *wasatiyyah* dalam aspek akidah sahaja. Ini kerana melihat kepada kepentingan akidah itu sendiri yang merupakan asas dan tunjang utama dalam kehidupan umat Islam.

Dalam konteks ini, umat Islam harus memahami bahawa konsep *wasatiyyah* yang dianjurkan oleh ajaran Islam ini wajib dijadikan asas kepada pembentukan peribadi muslim yang seterusnya akan menyumbang kepada perpaduan ummah dan keamanan sejagat. Ini kerana konsep kesederhanaan (*al-i'tidāl*) inilah yang menjadi sumber penjanaan ke arah keamanan dan kesejahteraan ummah. Lebih dari itu, ia merupakan dalil kepada kekuatan dan bertindak sebagai kuasa penyatu.²⁰

Al-Qarāḍawī berpendapat bahawa kesederhanaan adalah sebagai kuasa penyatu. Ini kerana pemikiran sederhana mampu menerima pendapat dan pandangan orang lain berbeza dengan pandangan orang yang ekstrim dan melampau.²¹ Misalnya sederhana di antara golongan yang taksub dengan ahli sufi dengan mereka yang menolak kesufian sepenuhnya.

Lantaran itu, umat Islam yang berpegang dengan akidah Islam yang menekankan konsep *wasatiyyah* pastinya tidak akan keterlaluan dan melampau dalam tindak tanduk mereka. Berikut itu, sikap keterlaluan dan

²⁰ Al-Qarāḍawī, Yūsūf, *Al-Ṣahwah al-Islāmiyyah Bayn al-Juhud wa al-Taṭarruf*. (Qatar: al-Ma`had al-`Alami lil Fikr al-Islami, 1984), 24-25.

²¹ Al-Qarāḍawī, Yūsūf, *Fī Fiqh al-Awlāwiyyāt : Dirāsāt Jadīdah fī Daw' al-Qur'ān wa-al-Sunnah* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 222-223.

melampaui batas (*ghuluw*) perlu dihindar dan dijauhi. Golongan yang melampaui ini diibaratkan seperti suara keldai, golongan yang tidak mengenang budi dan tidak ikhlas dalam perjuangan Islam.²²

Sesungguhnya sikap melampaui batas ini akan menjadikan seseorang sangat taksub kepada pendapat sendiri dan tidak mengakui pendapat orang lain. Bukan sekadar itu sahaja bahkan mereka sering berperasangka buruk kepada individu lain. Mereka terpinggir jauh dari landasan *ādāb al-ikhtilāf* seperti mana yang diajar oleh Islam. Kenyataan tentang golongan yang melampaui (*ghuluw*) ini disebut dalam firman Allah SWT:

يَأَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوْا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا

عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقُّ

Al-Nisā' 4:171

Terjemahan: Wahai ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar.

Ayat di atas menerangkan bahawa sifat melampaui dan keterlaluan merupakan sikap yang dimiliki oleh golongan Yahudi dan Nasrani yang melampaui dalam agama mereka sehingga memandang rendah agama-agama lain.²³ Justeru, sikap seperti ini haruslah dijauhi oleh umat Islam, kerana ia merupakan amalan negatif yang diwarisi daripada golongan non muslim.

²² Abu Bakar Hamzah, "Perpaduan dan Kesederhanaan dalam Islam," 17.

²³ *Ibid.*, 14.

Kesederhanaan Pemikiran Sheikh Zainal Abidin al-Fatani dalam Isu-Isu Akidah

Dalam kitab *'Aqīdah al-Nājīn*, Sheikh Zainal Abidin al-Fatani berusaha mengetengahkan akidah sebenar yang sesuai dan menepati tahap pemikiran masyarakat Nusantara. Bagi beliau, konsep akidah yang sebenar adalah mempunyai ciri-ciri kesederhanaan dan tidak melampau. Ini kerana akidah yang melampau tidak berupaya memberi sebarang kebaikan, bahkan lebih banyak mendatangkan kepincangan dan perpecahan dalam kalangan umat manusia.

Penelitian yang dilakukan terhadap salah sebuah karya Sheikh Zainal Abidin al-Fatani iaitu kitab *'Aqīdah al-Nājīn* mendedahkan bahawa pengarang telah mengemukakan hujah-hujah mantap bagi membuktikan bahawa ajaran terbaik untuk dijadikan pegangan ialah aliran al-Ashā'irah yang merupakan sebahagian daripada fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah. Ini kerana manhaj akidah yang dikemukakan aliran al-Ashā'irah mempunyai ciri-ciri kesederhanaan antara fahaman yang melampau (*ifrāt*) dan terlalu mempermudahkan (*tafrīt*). Manhaj ini juga berada di pertengahan antara fahaman Qadariyyah dan Jabariyyah, juga antara fahaman al-Mu`atṭilah²⁴ dan al-Mushabbihah.²⁵ Dengan banyak mengutarakan hujah akal berbanding *naql* (al-Qur'an dan Hadith) pada kebanyakan perbahasan dalam kitab *'Aqīdah al-Nājīn*, membuktikan bahawa Sheikh Zainal Abidin al-Fatani pada hakikatnya tidak mengenepikan kepentingan dan peranan akal dalam kehidupan manusia. Bahkan akal dianggap sebagai pelengkap dan penyokong kepada perkara yang terkandung dalam syarak, dan ianya juga berperanan sebagai alat untuk membuktikan kebenaran yang terkandung dalam al-Qur'an dan Hadith.

²⁴ Golongan yang menafikan Allah SWT mempunyai sifat.

²⁵ Golongan yang meletakkan sifat makhluk kepada Allah SWT.

Berhubung *wasatiyyah* dalam persoalan akidah terutamanya dalam perbahasan *Ilāhiyyāt* (ketuhanan), Sheikh Zainal Abidin al-Fatani mengambil jalan pertengahan antara golongan yang menafikan sifat dan berpegang bahawa Allah SWT memiliki sifat seperti makhluk. Beliau menentang keras golongan yang menafikan sifat seperti Mu`atuzilah dan Mu`atilah, selain membantah golongan yang menyamakan sifat Allah SWT dengan makhluk seperti Mujassimah dan Mushabbihah. Kedua-dua fahaman ini dianggap melampau dan terkeluar daripada kefahaman akidah yang sebenar.

Pertama, dengan menafikan sifat bagi Allah SWT, seolah-olah menolak sesuatu yang telah diiktiraf secara jelas dalam al-Qur'an. Firman Allah SWT berkaitan sifat *qudrah, irādah, `ilm* dan *ḥayah*:

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤﴾

Al-Māidah 5:120

Terjemahan: ...iaitu Allah Ta`ala atas tiap-tiap suatu amat kuasa.

فَعَالٌ لِمَا يُرِيدُ

Hud 11:107

Terjemahan: ...Berbuat Allah bagi barang yang dikehendaki-Nya.

وَهُوَ عَلِيمٌ بِدَارَتِ الْأَصْدُورِ ﴿٤﴾

Al-Hadid 57: 6

Terjemahan: Dan iaitu Allah Ta`ala yang amat mengetahui dengan barang yang di dalam segala dada.

وَتَوَكَّلْ عَلَىٰ الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ

Al-Furqan 25:58

Terjemahan: Serahkan olehmu atas Tuhan yang hidup yang tiada mati ia.

Kedua, dengan meletakkan persamaan zat Allah SWT dengan makhluk seperti Allah SWT mempunyai anggota badan, pancaindera dan sebagainya bertentangan dengan nas al-Qur'an yang membuktikan Allah SWT bersifat dengan *mukhālafatuh li al-hawādith* (bersalahan dengan sesuatu yang baru). Firman Allah SWT,

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Al-Syūrā 42: 11

Terjemahan: Tiada seumpama Allah itu sesuatu, dan iaitu yang amat Mendengar lagi amat Melihat.

Berkaitan persoalan ini, Sheikh Zainal Abidin mengambil jalan pertengahan antara dua fahaman tersebut iaitu mengiktiraf bahawa Allah SWT pada hakikatnya mempunyai sifat, namun sifat tersebut berbeza dan berlainan dengan makhluk.

Setelah menjelaskan persoalan sifat, timbul pula permasalahan apakah sifat berada pada *dhāt* atau di luar daripada-Nya? Tentang persoalan ini beliau menegaskan bahawa sifat Allah SWT adalah bertempat, iaitu berada pada *dhāt*-Nya. Menolak sifat Allah SWT bertempat seolah-olah mengasingkan sifat daripada Allah SWT. Namun begitu beliau menolak menyifatkannya sangat memerlukan kepada *dhāt*. Menurut Sheikh Zainal Abidin al-Fatani, tidak layak menyifatkan Allah SWT berkehendak kepada *dhāt*, kerana ia boleh menimbulkan tanggapan yang negatif terhadap Allah SWT, seolah-olah Dia berhajat kepada sesuatu dan Dia adalah baharu, sedangkan kita wajib ber`*iqad* bahawa sifat Allah SWT

itu maha sempurna daripada berhajat kepada sesuatu, bahkan sesuatu yang sangat berhajat kepada-Nya.²⁶

Sikap kesederhanaan beliau turut terserlah ketika membahaskan tentang sifat yang harus bagi Allah SWT. Menurut beliau, harus bagi Allah SWT mencipta makhluk, mengurniakan pahala kepada sesiapa yang melakukan kebaikan, mengenakan dosa kepada sesiapa yang melakukan kemaksiatan, juga harus bagi-Nya mengutus Rasul kepada seluruh hamba-Nya, dan memberi kekayaan dan kefaqiran terhadap sesiapa yang dikehendaki-Nya.²⁷ Berhubung persoalan ini, Sheikh Zainal Abidin al-Fatani berusaha menolak pendirian melampau Mu'tazilah yang mewajibkan Allah SWT melakukan sesuatu perkara seperti berbuat *salah* (baik) dan *aslah* (terlebih baik) kepada manusia seperti mewajibkan Allah SWT mengutus Rasul demi kesejahteraan dan kepentingan manusia.²⁸ Berpegang dengan fahaman ini seolah-olah menafikan *qudrat* dan *irādah* Allah SWT yang berhak melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya, tanpa terikat dan tunduk kepada sebarang arahan dan kemahuan lain.²⁹

²⁶ *Ibid.*, 20.

²⁷ Zainal `Abidin al-Fatani, *Aqīdah al-Nājīn* (Patani: Maṭba`ah Bin Halabi, t.t.), 52.

²⁸ `Abd al-Jabbār bin Ahmad, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah, tahaqīq `Abd al-Karīm `Uthmān* (Kaherah: Maktabah Wahbah 1965), 565; `Abd al-Malik `Abd al-Rahmān al-Sa`dī, *Sharḥ al-Nasafiyah fi al-`Aqīdah al-Islāmiyyah* (t.t.: Dār Al-Anbān, 1999), 107-108; Zainal `Abidin al-Fatani, *Aqīdah al-Nājīn*, 52.

²⁹ Perbahasan tentang *salah* dan *aslah* ini pernah menjadi perdebatan antara al-Ash`ārī dan al-Jubbā'ī. Al-Ash`ārī telah mengemukakan persoalan tentang tiga orang yang bersaudara, pertamanya seorang yang hidup dalam ketaatan kepada Allah SWT sedangkan usianya sudah dewasa. Keduanya, seorang yang telah lanjut usia yang hidup dalam kemaksiatan, dan meninggal dunia tanpa sempat bertaubat, dan ketiga, seorang yang meninggal dunia sebelum mencapai usia baligh. al-Jubbā'ī menjawab, yang pertama diberi pahala kerana ketaatannya, dan yang kedua mendapat siksaan atas kemaksiatannya, manakala yang ketiga tidak diberi pahala dan tidak disiksa. Lalu al-Ash`ārī bertanya lagi, sekiranya yang ketiga memohon kepada Allah

Selain itu, beliau turut menyangkal kenyataan Mu`tazilah yang menafikan keharusan orang Mukmin melihat Allah SWT di akhirat, kerana perkara tersebut berpunca daripada sumber yang sahih.³⁰

Sheikh Zainal Abidin al-Fatani menyokong pandangan Abū Ḥasan al-Ash`ārī yang menolak fahaman Mu`tazilah yang tidak mengharuskan melihat Allah SWT (*ru'yah Allāh*) di akhirat. Bagi al-Ash`ārī, melihat Allah SWT di akhirat adalah harus berdasarkan dalil al-Qur'an dan Hadith.³¹ Menurut beliau, setiap yang wujud boleh diperlihatkan, berbeza dengan benda yang tiada (*ma`dūm*). Justeru, memandangkan Allah SWT adalah *wājib al-wujūb*, maka layak bagi-Nya untuk memperlihatkan diri-Nya. Allah SWT juga melihat sesuatu dan melihat diri-Nya, maka tidak mustahil bagi-Nya memperlihatkan diri-Nya.³² Firman Allah SWT yang mengharuskan melihat Allah di hari akhirat ialah:

وُجُوهٌ يَوْمَئِنْ نَاضِرَةٌ ﴿٢٣﴾

Al-Qiyāmah 75: 22-23

SWT agar dipanjangkan usianya untuk melakukan ketaatan. Jawab al-Jubbā'ī, Allah akan menjawab, sekiranya aku panjangkan umurmu, pasti engkau akan melakukan kemaksiatan, justeru itu, wajib aku matikan engkau pada usia kecil. Al-Ash`ārī bertanya lagi, sekiranya individu kedua memohon kepada Allah SWT kenapakah dia tidak dimatikan pada usia kecil agar dia tidak melakukan kemaksiatan kepada Allah SWT. Lalu al-Jubbā'ī terdiam dan tidak dapat menjawab soalan tersebut. Muhammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhbāh al-Islāmiyyah*. (t.t.: Dār al-Fikr al-`Arabī, t.t.), 172; Zainal `Abidin al-Fatani, *Aqīdah al-Nājīn*, 52. Kisah ini menjelaskan bahawa konsep *salah* dan *aslah* tersebut adalah ditolak, kerana mereka yang memperkenalkan konsep ini juga tidak mampu membuktikan kebenaran apa yang dibawa. Ini kerana tiada seseorang pun yang layak mewajibkan apa yang dilakukan oleh Allah SWT.

³⁰ Zainal `Abidin al-Fatani, *Aqīdah al-Nājīn*, 53.

³¹ Al-Ash`ārī, *Al-Ibānah `an Uṣūl al-Diyānah*, ed. Fawqiyyah Ḥussīn Maḥmūd (Abidin: Dār al-Intiṣār, 1977), 35.

³² *Ibid.*, 51-52

Terjemahan: Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri melihat kepada Tuhan-Nya.

Manakala hadith Rasulullah s.a.w pula menyebut:

إِنَّكُمْ سَتَرُونَ رِبَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَمَا تَرَوْنَ هَذَا، لَا
تَضَامُونَ فِي رُؤْيَايَتِهِ

Terjemahan: Kamu akan melihat Tuhan kamu pada hari kiamat sebagaimana kamu melihat ini (bulan purnama), tidak terhalang kamu daripada melihatNya.³³

Sheikh Zainal Abidin al-Fatani melalui perbahasan *kalām* Allah SWT turut menempelak fahaman yang menafikan *keqadiman* al-Qur'an. Fahaman ini berpunca daripada dakwaan Mu'tazilah yang menyifatkan al-Qur'an sebagai makhluk dan bukan *qadīm*. Meskipun pada zahirnya menampakkan seolah-olah al-Qur'an bukan *qadīm*, kerana ditulis di atas kertas dan mempunyai huruf, namun pada hakikatnya ia adalah *qadīm* kerana berpunca daripada Allah SWT. Ini kerana mustahil lahir perkara yang baharu daripada *dhāt* yang tidak dinafikan *keqadimannya*.³⁴ Meskipun berpegang kepada pandangan yang mengakui *keqadiman* al-Qur'an, Sheikh Zainal Abidin al-Fatani tidak pula mengkafirkan golongan yang menganggap al-Qur'an sebagai makhluk, bahkan hanya

³³ Al-Bukhārī, "Şâfiîh al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣâlih bin `Abd al-`Azîz bin Muhammad bin Ibrâhîm `Alî Shaykh (Riyadh: Dar al-Salam, 200), 619 (Bab qawl Allah Ta'ala "wujûhun yawma'izin nâdirah, ilâ rabbihâ nâzirah").

³⁴ Al-Bâjûrî, *Hâshiyah al-Imâm al-Bâjûrî `alâ Jawharah al-Tawhîd* ed. `Alî Jum`ah Muhammad al-Shâfi`î (Kaherah: Dâr al-Salâm, 2002), 160; Ahmad bin Muhammad al-Mâlikî al-Ṣâwi, *Sharh al-Ṣâwi `alâ Jawharah al-Tawhîd* ed. `Abd al-Fattâh al-Nabram (Dimasyq: Dâr Ibn Kathîr, 2005), 220-221 dan Zainal `Abidin al-Fatani, *`Aqidah al-Nâjîn*, 33.

menyifatkannya sebagai fasiq. Menurut beliau, seseorang akan menjadi kafir sekiranya ber`*itiqād* bahawa *kalām* yang berada pada *dhat* Allah SWT itu adalah makhluk.³⁵

Berkaitan ayat dan hadith *mutashābihat*, Sheikh Zainal Abidin al-Fatani mengakui bahawa pemikiran Salaf dan Khalaf adalah benar mengikut zaman masing-masing. Ini kerana pada zaman Salaf tidak timbul banyak perdebatan tentang akidah berbanding Khalaf. Justeru, pada zaman Khalaf pentakwilan adalah jalan terbaik untuk menangkis hujah musuh. Meskipun beliau sedikit cenderung kepada pemikiran Khalaf, namun bukanlah bermakna beliau menentang keras fahaman Salaf. Bahkan dengan pemikiran yang terbuka beliau mengakui bahawa fahaman Salaf juga adalah benar dan selamat, memandangkan ianya merupakan sebahagian daripada akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah.³⁶ Kenyataan di atas menggambarkan sikap toleransi Sheikh Zainal Abidin al-Fatani yang tidak sewenang-wenangnya memberi gambaran buruk dan menghukum mana-mana golongan tanpa terlebih dahulu meneliti zaman yang mereka lalui.

Berkenaan perbincangan tentang perbuatan Allah SWT (*af`āl Allāh*), Sheikh Zainal Abidin al-Fatani mengiktiraf bahawa Allah SWT sahaja yang memiliki sifat *fi'l* seperti mencipta, memberi rezeki, menghidup, mematikan dan sebagainya.³⁷ Manakala dalam persoalan perbuatan hamba (*af`āl al-ibād*), beliau lebih cenderung kepada pandangan Ahl al-Sunnah (Ashā'irah) yang berpendapat bahawa manusia sebenarnya tidak dipaksa dan diberi kebebasan sepenuhnya untuk berbuat apa sahaja, bahkan terdapat padanya ikhtiar.

Justeru, pegangan ini dianggap sederhana dan terbaik berbanding aliran Jabariyyah, Qadariyyah dan

³⁵ Zainal `Abidin al-Fatani, `Aqidah al-Najīn, 33.

³⁶ *Ibid.*, 49.

³⁷ *Ibid.*, 51-52.

Mu`tazilah.³⁸ Kenyataan tersebut membuktikan bahawa wujud dua kelompok yang berbeza dalam membincangkan persoalan ini, pertama golongan Jabariyyah yang menyifatkan perbuatan manusia adalah paksaan daripada Allah SWT.³⁹ Keduanya, Qadariyyah dan Mu`tazilah yang menyifatkan sebaliknya, iaitu perbuatan manusia bukanlah paksaan daripada Allah SWT, bahkan ianya datang daripada manusia sendiri.

Beliau menyokong pandangan Sheikh al-Laqqāñi tentang langkah penyelesaian terbaik iaitu mengambil pendapat pertengahan antara dua pandangan tersebut iaitu perbuatan manusia bukanlah benar-benar bebas dan benar-benar dipaksa.⁴⁰ Menurut Sheikh Zainal Abidin al-Fatani, sekiranya manusia memiliki kebebasan mutlak untuk berbuat sesuatu, ia akan mengakibatkan wujud kuasa lain yang bersekutu dengan kuasa Allah SWT.⁴¹ Ini bertentangan dengan konsep *wahdāniyyah* pada perbuatan (*afāl*) Allah SWT⁴². Bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, bukanlah manusia yang menggerakkan seluruh perbuatannya, bahkan pada perbuatannya itu terdapat usaha dan ikhtiar yang dinamakan ‘*iktisāb*’.⁴³ Bagi memantapkan kefahaman terhadap pandangan ini, Sheikh Zainal Abidin al-Fatani telah mengemukakan beberapa

³⁸ *Ibid.*, 56.

³⁹ Muhammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib*, 104 dan `Abd al-Mun`im al-Hufnī, *Mawsū`ah al-Firaq wa al-Jamā`āt wa al-Madhāhib al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Rasyād, 1993), 135.

⁴⁰ Al-Bājūrī, *Hāshiyah al-Imām al-Bājūrī*, 178-179 dan al-Šāwī, *Sharḥ al-Šāwī*, 243-244.

⁴¹ *Ibid.*, 56.

⁴² *Ibid.*, 21.

⁴³ Al-Baghdādī, Abī Manṣūr `Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Tamīmī, *al-Farq Bayn al-Firaq*, *tahqīq* Ibrāhīm Ramaḍān (Beirut: Dār al-Ma`rifah, 1997), 138; Irfān `Abd al-Ḥamīd, *Dirasāt fī al-Firaq wa al-`Aqāid al-Islāmiyyah* (Baghdād: Maṭba`ah al-Irsyād, 1967), 263-264; Muḥammad Sa`īd Ramaḍān al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu`āṣir, 1992), 158-160; Zainal `Abidin al-Fatani, *Aqdāh al-Nājīn*, 23.

contoh, antaranya seperti seseorang yang memanjat sebatang pokok lalu jatuh daripadanya. Menurut beliau, memanjat pokok merupakan suatu usaha daripada hamba, sedangkan jatuh daripadanya bukanlah kemahuan dan kehendaknya, bahkan ia merupakan ketentuan daripada Allah SWT.⁴⁴

Kesimpulan

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat difahami bahawa kesederhanaan dalam berakidah merupakan salah satu manhaj penting yang menjadi pegangan ulama Melayu. Ini kerana kesederhanaan akidah memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat Islam di Nusantara agar tidak bertelingkah dan bermusuhan sesama sendiri. Oleh yang demikian pemikiran *wasatiyyah* akidah yang ditonjolkan oleh Sheikh Zainal Abidin al-Fatani merupakan gagasan yang turut diperakui oleh kebanyakan ulama Melayu. Antaranya beliau telah membentuk satu modul pemikiran yang menjurus ke arah toleransi dan kesederhanaan, tanpa bersikap ekstrim dan taksub kepada mana-mana aliran dan tokoh tertentu. Dalam usaha mencapai keamanan dan kesejahteraan, sikap ekstrim dan taksub golongan-golongan pelampau yang tersisih dari landasan *wasatiyyah* haruslah diatasi dan dicari penyelesaian.

Oleh itu, tokoh-tokoh ulama terdahulu dan para ulama alam Melayu yang telah banyak berjasa dalam membina tamadun ummah seharusnya diangkat dan dimartabatkan kembali untuk terus dicontohi dan ditauladani oleh masyarakat hari ini dan akan datang. Ini penting bagi memastikan umat Islam di Alam Melayu terus berada dalam keadaan aman dan sejahtera tanpa sebarang pertelingkahan dan perbalahan dengan isu-isu remeh yang merugikan ummah dan sekaligus membuka ruang kepada musuh-musuh Islam meruntuhkan benteng perpaduan umat Islam.

⁴⁴ Zainal `Abidin al-Fatani, *Aqidah al-Najīn*, 56.

Rujukan

- ˋAbd al-ˋHamīd, `Irfān. *Dirāsāt fī al-Firaq wa al-ˋAqāid al-Islāmiyyah*. Baghdad: Matba`ah al-Irsyād, 1967.
- Aḥmad, ˋAbd al-Jabbār. *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah, tāhquq ˋAbd al-Karīm ˋUthmān*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1965.
- Abu Bakar Hamzah. "Perpaduan dan Kesederhanaan dalam Islam." Dalam *Seminar Perpaduan dan Kesederhanaan Dalam Islam*. Kedah: Jabatan Hal Ehwal Agama Kedah, 1985.
- Abū Zuhrah, Muḥammad. *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. t.tp.: Dār al-Fikr al-ˋArabi, t.t.
- Ahmad Fathy al-Fatani. *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- Al-Ash̄āri. *Al-Ibānah `an Uṣūl al-Diyānah*, ed. Fawqiyyah Ḥussin Maḥmud. ˋAbidīn: Dār al-Intišār, 1977.
- Al-Bājūrī. *Hāshiyah al-Imām al-Bājūrī `ala Jawharah al-Tawhīd*, ed. ˋAli Jum`ah Muḥammad al-Shāfi`i. Kaherah: Dar al-Salam, 2002.
- Al-Baghdādī, Abī Manṣūr ˋAbd al-Qāhir bin Tāhir al-Tamīmī. *al-Farq Bayn al-Firāq, tāhquq Ibrāhim Ramadān*. Beirut: Dār al-Ma`rifah, 1997.
- Al-Bukhārī. "Sahīh al-Bukhārī." Dalam *Mawsū`at al-Hadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ˋAbd al-ˋAzīz bin Muḥammad bin Ibrāhīm ˋAli Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa`īd Ramadān. *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu`āṣir, 1992.
- Al-Hufni, ˋAbd al-Mun`im. *Mawsū`ah al-Firaq wa al-Jamā`at wa al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Rasyād, 1993.
- Al-Maliki al-ˋSāwī, Aḥmad bin Muḥammad. *Sharḥ al-ˋSāwī `ala Jawharah al-Tawhīd*, ed. ˋAbd al-Fattāḥ al-Nabram. Dimasyq: Dār Ibn Kathīr, 2005.

- Al-Qarāđāwī, Yūsuf. *Khaṣāiṣ al-Āmmah fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1981.
- Al-Qarāđāwī, Yūsuf. *Al-Ṣaḥwah al-Islāmiyyah Bayn al-Juhūd wa al-Taṭarruf*. Qatar: al-Ma`had al-`Ālami lil-Fikr al-Islāmi, 1984.
- Al-Qarāđāwī, Yūsuf. *Fī Fiqh al-Awlāwiyyāt: Dirāsāt Jadīdah fī Daw' al-Qur'ān wa-al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.
- Che Zarrina Sa'ari, "Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim," *Jurnal AFKAR* 2, (2001), 62.
- H.M. Bedjo Santoso, "Sheikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya terhadap Pengembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa." Makalah *Nadwah Ulama Nusantara III*, ed. Farid Mat Zain, et.al. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Kamus Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Md Sidin Ishak dan Muhamad Redzuan Othman. *The Malays in The Middle East*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, t.t.
- Mohd Zamberi A. Malik Patani Dalam Tamadun Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Muṣṭafā, Ibrāhim. *Al-Mu'jam al-Wasīt*. Turki: Dār al-Da'wah, t.t.
- Al-Sa`di, `Abd al-Malik `Abd al-Rahmān. *Sharḥ al-Nasafiyyah fī al-`Aqīdah al-Islāmiyyah*. t.tp.: Dār Al-Anban, 1999.
- Wan Muhamad Shaghir Abdullah. "Zainal Abidin al-Fatani," *Majalah Dakwah*, April 1991.
- Wan Muhamad Shaghir Abdullah. "Tuan Minal al-Fatani, Karangannya Rujukan Ulama Melayu." Dalam *Ulama Dunia Melayu Yang diperkenalkan Dalam Utusan Malaysia*, ed. Wan Mohd Saghir Abdullah. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2007.

Faizuri & Ahmad Faisal, "Pemikiran Kesederhanaan," *Afkār* 15 (2014): 45-68

Yusuf bin al-Haji Mustafa Bandar Patani. *Sejarah Dan Silsilah Keturunan Tuan Minal*. t.tp.: t.p., 1991.

Zainal `Abidin al-Fatani. *Aqīdah al-Nājīn*. Patani: Maṭba`ah Bin Ḥalabī, t.t.